UTAS HASIL SDN BHD lwn. PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI PK
[WRIT SAMAN NO: 21NCVC-7-11-2013]
11 OGOS 2014

PROSEDUR SIVIL: *Pliding – Membatalkan writ dan pernyataan tuntutan – Prosiding terhadap Kerajaan – Pengendorsan atas writ atau pernyataan tuntutan – Butir-butir tuntutan – Sama ada dinyatakan – Sama ada tuntutan plaintif mematuhi kehendak A. 73 k. 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 – Kecacatan dalam pliding – Sama ada memudaratkan tuntutan plaintif – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 6 k. 2 & A. 18 k. 19(1)(a), (b) & (d)*

Ini adalah permohonan defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntuan plaintif di bawah A. 18 k. 19(1)(a), (b) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012'). Menurut fakta, plaintif, sebagai pembeli, telah memasuki satu perjanjian jual beli dengan seorang bernama Zainal Abidin ('Zainal') untuk membeli tanahnya dengan harga RM1.2 juta. Carian rasmi yang dibuat oleh plaintif menunjukkan bahawa tanah tersebut didaftar atas nama Zainal. Plaintif telah membuat bayaran penuh sebanyak RM1.2 juta kepada pemilik tanah. Walau bagaimanapun, sebelum pertukaran hak milik tanah ke atas nama plaintif dibuat, satu syarikat di atas nama Lee Kwee Foh Sdn Bhd ('LKFSB') telah memperolehi perintah mahkamah untuk memindah milik tanah tersebut ke atas namanya. Adalah dibuktikan melalui tindakan tersebut bahawa kewujudan nama Zainal di atas suratan hak milik tanah itu adalah satu pemalsuan. Plaintif mendakwa bahawa defendan telah cuai kerana menukar nama tuan punya tanah tersebut daripada Zainal kepada LKFSB tanpa pengetahuan plaintif walaupun carian rasmi yang dibuat dengan defendan pertama pada masa perjanjian ditandatangani mengesahkan bahawa Zainal merupakan pemilik asal tanah tersebut. Dengan itu, plaintif mendakwa bahawa hak milik tanah itu tidak diserahkan kepadanya dan menuntut pemulangan wang sebanyak RM1.2 juta. Antara alasan-alasan yang dikemukakan oleh pihak defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif adalah bahawa (i) tuntuan plaintif telah difailkan melebihi had masa yang diperuntukkan di bawah s. 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948; (ii) tuntutan plaintif tidak mematuhi kehendak A. 73 k. 2(1) KKM 2012; dan (iii) pendaftaran nama LKFSB sebagai pemilik berdaftar tanah tersebut adalah menurut perintah mahkamah dan kewujudan nama Zainal dalam sistem pendaftar tanah defendan pertama merupakan satu pemalsuan.

Diputuskan (membenarkan permohonan defendan-defendan):

(1) Prosiding oleh dan terhadap Kerajaan telah diperuntukkan secara khusus di bawah A. 73 KKM 2012. Bagi tindakan yang diambil terhadap Kerajaan, suatu pengendorsan atas writ atau pernyataan tuntutan yang mengiringi writ hendaklah termasuk pernyataan yang tepat tentang hal keadaan liabiliti Kerajaan yang dikatakan telah berbangkit serta mengenai jabatan Kerajaan atau pegawai Kerajaan berkenaan. Setiap pliding hendaklah mengandungi butir-butir yang perlu mengenai apa-apa tuntutan yang dibuat. (perenggan 7)

(2) Sesuatu pliding perlu menyatakan butiran yang mencukupi bagi satu pihak lagi menjawab dakwaan dan tuntutan yang dibuat supaya tidak timbul isu atau elemen kejutan dalam prosiding berkaitan. Tuntutan plaintif adalah berkaitan dengan dakwaan berlakunya kecuaian yang melibatkan pengabaian tugas oleh defendan pertama seperti mana yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Butir-butir kecuaian defendan pertama seperti yang didakwa hendaklah dinyatakan secara terperinci, nyata dan jelas dalam pliding. Berdasarkan fakta, pliding yang difailkan oleh plaintif tidak mematuhi kehendak A. 73 k. 2, A. 6 k. 2 dan A. 18 k. 12 KKM 2012. (perenggan 8)

(3) Pernyataan tuntutan plaintif mengandungi banyak pernyataan yang meragukan, tidak tepat atau tidak benar sehingga menjejaskan tuntutan plaintif. Pernyataan oleh plaintif bahawa defendan pertama telah menyerahkan salinan hak milik asal untuk disimpan dan pindah milik dilaksanakan oleh peguam plaintif adalah meragukan kerana defendan pertama tidak memegang apa-apa suratan hak milik asal tanah milikan individu. (perenggan 9)

(4) Kecacatan yang terdapat pada pliding ternyata memudaratkan tuntutan yang dibuat oleh plaintif. Oleh itu, writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah disebabkan kecacatan serius dalam pliding plaintif. Tuntutan plaintif, dengan itu, tidak boleh dipertahankan dan layak diketepikan di peringkat penghakiman terus. Berkenaan soal had masa, tidak ada keterangan jelas dari afidavit yang difailkan berkenaan bila plaintif dinafikan hak untuk mendaftarkan hak milik tanah tersebut. (perenggan 10, 12 & 13)

Kes-kes yang dirujuk:

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 4 CLJ 7 SC ***(diikuti)***

Cergas Tegas Sdn Bhd (In Liquidation) v. SAP Holdings Bhd & Anor [2013] 8 CLJ 745 CA ***(dirujuk)***

Metroplex Development Sdn Bhd v. Mohd Mastana Makaddas & Anor [1995] 3 CLJ 70 HC ***(diikuti)***

Solai Realty Sdn Bhd v. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad [2013] 1 LNS 384 CA ***(diikuti)***

The Chartered Bank v. Yong Chan [1974] 1 LNS 178 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Government Proceedings Act 1956, ss. 5, 6
National Land Code, ss. 16(2), 22
Public Authorities Protection Act 1948, s. 2(a)
Rules of the Court 2012, O. 6 r. 2(1)(a), O. 18 rr. 12(1)(a), 19(1)(a), (b), (d), O. 73 r. 2(1)

Bagi pihak plaintif - Meor Shaazizi Meor Shaari; T/n Taqrir Akramin & Co
Bagi pihak defendan-defendan - Teoh Chin Chong; Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Perak

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali PK:

Pengenalan

[1] Plaintif telah mengemukakan tuntutan terhadap defendan-defendan bagi pemulangan kembali wang sebanyak RM1.2 juta kerana dikatakan gagal menyerahkan hak milik tanah di bawah hakmilik HS (D) 226170, Lot 5334 Mukim Lumut, Daerah Manjung, Perak ('tanah tersebut') kepadanya atau dibayar ganti rugi bagi jumlah yang sama di atas kecuaian defendan-defendan bersetuju menukar nama tuan punya tanah tersebut daripada Zainal Abidin bin Yusuf kepada Lee Kwee Foh Sdn Bhd ('LKFSB') tanpa pengetahuan plaintif, walau pun carian rasmi yang dibuat dengan defendan pertama pada masa perjanjian ditandatangan mengesahkan tuanpunya asal tanah tersebut adalah Zainal Abidin bin Yusuf.

[2] Defendan-defendan telah memfailkan permohonan di lampiran 5 bagi memohon:

(a) Writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif dibatalkan atas sebab-sebab bahawa ia mendedahkan kausa tindakan yang tidak munasabah; dan/atau

(b) Ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan; dan/atau

(c) Ia selainnya adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah selaras dengan A. 18 k. 19(1)(a), (b) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012').

Dakwaan Plaintif

[3] Pada 30 Jun 2007 plaintif telah memasuki perjanjian jual beli dengan Zainal Abidin bin Yusuf untuk membeli tanah tersebut dengan harga RM1.2 juta. Carian rasmi yang dibuat plaintif menunjukkan tanah tersebut berdaftar di atas nama Zainal Abidin b Yusuf. Plaintif telah membuat bayaran penuh keseluruhan RM1.2 juta kepada pemilik tanah.

[4] Sebelum dibuat pertukaran hak milik tanah tersebut ke atas nama plaintif, satu syarikat di atas nama LKFSB telah memperoleh satu perintah mahkamah untuk memindah milik tanah tersebut ke atas namanya. Perintah tersebut diperoleh melalui satu Saman Pemula No. 24-458-10 bertarikh 3 November 2010 yang mana LKFSB telah dapat membuktikan kewujudan nama Zainal Abidin bin Yusof di atas suratan hak milik tanah tersebut adalah satu pemalsuan.

[5] Plaintif telah gagal untuk memindah milik tanah tersebut ke atas namanya dan mendakwa telah mengalami kerugian sejumlah RM1.2 juta. Plaintif juga mendakwa kerugian tersebut adalah akibat tindakan cuai defendan pertama memindah milik tanah tersebut di atas nama LKFSB tanpa pengetahuan pemilik asal tanah sedangkan melalui carian rasmi dengan pihak defendan mengesahkan Zainal Abidin bin Yusof adalah pemilik asal tanah tersebut.

Permohonan Defendan-Defendan

[6] Defendan-defendan membuat permohonan memohon writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif dibatalkan di atas alasan-alasan berikut:

(a) Tuntutan plaintif telah difailkan melebihi had masa yang diperuntukkan di bawah s. 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam ('PAPA') 1948.

(b) Tuntutan plaintif tidak mematuhi kehendak A. 73 k. 2(1) KKM 2012 dan s. 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956.

(c) Tuntutan plaintif terhadap defendan kedua tidak mematuhi kehendak s. 16(2) Kanun Tanah Negara ('KTN').

(d) Pendaftaran nama LKFSB sebagai pemilik berdaftar tanah tersebut adalah menurut perintah Mahkamah Tinggi Ipoh dalam kes Saman Pemula No. 24-458-2010 bertarikh 3 November 2010 dan kewujudan nama Zainal Abidin bin Yusuf dalam sistem pendaftar tanah berkomputer defendan pertama merupakan satu pemalsuan.

(e) Pengarah syarikat plaintif sendiri dalam permohonannya untuk memasuki kaveat persendirian ke atas tanah tersebut dalam afidavit yang diikrarkannya pada 17 Disember 2007 telah mengakui bahawa LKFSB adalah pemilik berdaftar tanah tersebut.

(f) Defendan-defendan adalah dilindungi di bawah s. 22 KTN kerana telah dengan suci hati dan dengan niat hendak menjalankan kuasa, atas melakukan kewajipan yang diberi atau dikenakan keatasnya di bawah KTN dalam melakukan tugas pentadbirannya.

Keputusan

[7] Prosiding oleh dan terhadap Kerajaan telah diperuntukkan secara khusus di bawah A. 73 KKM 2012. Aturan 73 k. 2 secara nyata menyebut:

Butir-butir yang hendaklah dimasukkan dalam pengendorsan tuntutan (A. 73 k. 2)

2.(1) Dalam hal suatu writ yang memulakan prosiding sivil terhadap Kerajaan pengendorsan tuntutan yang dikehendaki oleh Aturan 6, kaedah 2, hendaklah termasuk suatu pernyataan tentang hal keadaan yang liabiliti Kerajaan dikatakan telah berbangkit dan tentang jabatan Kerajaan dan pegawai Kerajaan yang berkenaan.

Sementara itu A. 6 k. 2(1)(a) pula memperuntukkan:

Pengendorsan atas writ (A. 6 k. 2)

2. (1) Sebelum suatu writ dikeluarkan, writ itu hendaklah diendorskan-

(a) dengan suatu pernyataan tuntutan, yang hendaklah mematuhi kehendak Aturan 18, atau, sekiranya pernyataan tuntutan tidak diendorskan atas writ, dengan suatu pernyataan yang tepat jenis tuntutan yang dibuat atau relief atau remedi yang dikehendaki dalam tindakan yang dimulakan;

Manakala A. 18 k. 12(1)(a) adalah berkaitan dan peruntukannya adalah seperti mana berikut:

Butir-butir pliding (A. 18 k. 12)

12.(1) Tertakluk kepada perenggan (2), tiap-tiap pliding hendaklah mengandungi butir-butir yang perlu mengenai apa-apa tuntutan, pembelaan atau perkara lain yang dirayu termasuk, tanpa menjejaskan keluasan makna perkataan yang tersebut di atas-

(a) butir-butir apa-apa salah nyataan, fraud, pecah amanah, keingkaran sengaja atau pengaruh tidak wajar yang pihak yang membuat pliding itu bersandarkan kepadanya; dan …

Jelasnya dalam sesuatu tindakan yang diambil terhadap Kerajaan, suatu pengendorsan atas writ atau pernyataan tuntutan yang mengiringi writ hendaklah termasuk suatu pernyataan yang tepat tentang hal keadaan liabiliti Kerajaan yang dikatakan telah berbangkit serta tentang jabatan Kerajaan atau pegawai Kerajaan yang berkenaan. Tiap-tiap pliding hendaklah mengandungi butir-butir yang perlu mengenai apa-apa tuntutan yang dibuat.

[8] Setelah diteliti writ dan pernyataan tuntutan plaintif, saya berpandangan dan mendapati bahawa pliding yang difailkan tersebut tidak mematuhi kehendak kaedah seperti yang dinyatakan di atas. Tuntutan plaintif adalah berkaitan dengan dakwaan berlakunya kecuaian yang melibatkan pengabaian tugas oleh defendan pertama seperti mana yang telah ditetapkan undang-undang (breach of statutory duty). Suatu dakwaan yang pada pandangan saya sangat serius dan boleh dikategorikan sama seperti tuntutan yang dinyatakan di bawah A. 18 k. 12(1)(a) KKM 2012 iaitu tuntutan di bawah salah nyataan, fraud, pecah amanah, keingkaran sengaja atau pengaruh tidak wajar. Oleh itu butir-butir kecuaian defendan pertama seperti yang didakwa plaintif hendaklah dinyatakan secara terperinci, nyata

dan jelas di dalam pliding. Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa sesuatu pliding itu perlulah menyatakan butiran yang mencukupi bagi satu pihak lagi menjawab dakwaan dan tuntutan yang di buat. Dengan itu tidak timbul isu atau elemen kejutan dalam prosiding berkaitan. Raja Azlan Shah HMP (Almarhum Tuanku pada masa itu) dalam kes *The Chartered Bank v. Yong Chan* [1974] 1 LNS 178; [1974] 1 MLJ 157 telah memutuskan di ms. 159 seperti mana berikut:

> Now the function of pleadings is to give fair notice of the case which is to be made so that the opposing party may direct his evidence to the issue disclosed by them. See *Esso Petroleum Co Ltd v. Southport Corporation* [1956] AC 218, 238.

Sementara itu James Foong H (pada ketika itu) dalam kes *Metroplex Development Sdn Bhd v. Mohd Mastana Makaddas & Anor* [1995] 3 CLJ 70 di ms. 75 telah membuat keputusan yang mana saya bersetuju sepenuhnya seperti mana berikut:

> The primary function of the statement of claim is to plead reasonable cause of action against the defendant. Therefore, it must contain all material facts on which the plaintiff relies his claim. It must also disclose the legal liability of the defendant. By this, it is essential to establish a linkage between material facts pleaded in the statement of claim and the substantive right which the plaintiff claims or seeks to enforce against the defendant. Thus in a case where breach of duty is alleged, the facts upon which the alleged duty is founded must be pleaded, and where there is an allegation of negligence, facts must be set out showing the existence of a duty to take reasonable care owed to the particular person or class of persons and the duty was disregarded – see the judgment of Wallis J in *Gantrel v. Egerton* [1867] 2 CP 371 which was adopted in *West Rand Central Gold Mining Co v. Rex* [1905] 2 KB 391 …

Abdul Malik Ishak HMR pula di dalam kes *Cergas Tegas Sdn Bhd (In Liquidation) v. SAP Holdings Bhd & Anor* [2013] 8 CLJ 745 telah membuat pemerhatian berikut:

> Pleadings must contain particulars in order to ensure that the parties are informed with reasonable certainty as to the matters which are alleged against them (*Batcha Ammal v. Ponnachi* [1965] 1 LNS 11; [1965] 2 MLJ 43). It is also prudent to remember that no party should be taken by surprise (*Lim Kee Tiak v. Lim Kee Tian* [1986] 1 LNS 15; [1987] 2 MLJ 528) and it is for this reason that the particulars must be advanced in order to limit and define the issues at the trial (*Asia Hotel Sdn Bhd v. Malayan Insurance (M) Sdn Bhd* [1992] 2 CLJ 1185; [1992] 2 CLJ (Rep) 121; [1992] 2 MLJ 615) ...

[9] Selain itu dari penelitian selanjutnya ke atas pernyataan tuntutan plaintif juga menunjukkan terdapatnya banyak pernyataan yang meragukan, tidak tepat atau tidak benar sehingga pada pandangan saya boleh menjejaskan

tuntutan pihak plaintif. Keadaan tersebut boleh didapati di beberapa perenggan pernyataan tuntutan seperti yang disenaraikan seperti mana berikut:

(a) Perenggan 4.

> Selepas perjanjian ditandatangani dan sebelum pindah milik dijalankan, Plaintif sebagai pembeli telah membuat bayaran keseluruhan RM1.2 juta kepada pemilik tanah dan sebagai sekuriti Defendan Pertama telah menyerahkan salinan hakmilik asal untuk disimpan dan pindahmilik dijalankan oleh Peguam Plaintif.

(Pernyataan ini meragukan kerana defendan pertama tidak memegang apa-apa suratan hak milik asal tanah milik individu).

(b) Perenggan 6

> Plaintif telah gagal untuk menjalankan pindah milik apabila nama penjual dipinda dan telah kerugian sejumlah RM1.2 juta iaitu nilai tanah tersebut akibat tindakan cuai Defendan-Defendan memindah milik nama pemilik tanpa pengetahuan tuan punya asal tanah dan melalui carian resmi mengesahkan Defendan Pertama adalah pemilik tanah tersebut.

(Pernyataan ini sama sekali tidak benar kerana dari fakta yang diberikan plaintif, carian dengan pihak defendan pertama menunjukkan Zainal Abidin bin Yusuf sebagai tuan punya dan bukannya defendan pertama).

(c) Perenggan 8b

> Gantirugi sejumlah RM1.2 juta atas kecuaian Defendan kedua dan ketiga bersetuju menukar nama tuanpunya tanah tanpa pengetahuan pihak-pihak dan melalui carian resmi mengesahkan Defendan Pertama adalah tuan punya tanah.

(Perenggan tuntutan ini sangat mengelirukan dan tidak benar sama sekali kerana defendan kedua adalah Kerajaan Negeri Perak yang tidak terlibat langsung dalam pentadbiran tanah. Selain itu tiba-tiba muncul pula defendan ketiga di dalam tuntutan plaintif serta dalam perenggan tersebut sekali lagi defendan pertama dinyatakan sebagai tuan punya tanah).

[10] Saya berpandangan bahawa kecacatan yang terdapat pada pliding tersebut ternyata memudaratkan tuntutan yang dibuat pihak plaintif. Berdasarkan kepada alasan tersebut dan juga kegagalan pihak plaintif menyatakan butir-butir kecuaian defendan pertama secara terperinci, nyata dan jelas di dalam plidingnya seperti mana telah ditetapkan di bawah kaedah-kaedah, menjadikan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah, yang mana merupakan alasan yang cukup bagi membenarkan permohonan defendan-defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif di bawah A. 18 k. 19 KKM 2012.

[11] Undang-undang berkaitan dengan prinsip yang terpakai dalam mempertimbangkan permohonan di bawah A. 18 k. 19(1)(a), (b), dan (d) KKM 2012 adalah mantap. Bagi memudahkan rujukan, diperturunkan sepenuhnya peruntukan A. 18 k. 19 KKM 2012 seperti mana berikut:

Pembatalan pliding dan pengendorsan (A. 18 k. 19)

(1) Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding memerintahkan supaya dibatalkan atau dipinda mana-mana pliding atau pengendorsan, apa-apa writ dalam tindakan itu, atau apa-apa jua dalam mana-mana pliding atau dalam pengendorsan, atas alasan bahawa:

(a) ia mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan;

(c) ia boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil; atau

(d) ia selainnya adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah, dan boleh memerintahkan tindakan itu digantung atau ditolak atau penghakiman dicatatkan dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tiada keterangan boleh diterima atas suatu permohonan di bawah subperenggan (1)(a).

(3) Kaedah ini hendaklah, setakat mana yang boleh dipakai, terpakai bagi suatu saman pemula seolah-olah saman itu adalah suatu pliding.

Dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7, Mahkamah Agung (pada ketika itu) di ms. 11 ada memutuskan:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O. 18 r. 19 (1) Rules of the High Court are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to be the summary process under the rule (per Lindley M.R. in *Hubbuck v. Wilkinson* [1899] 1 QB 86, pg 91) and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it "obviously unsustainable" (*Attorney-General of Douchy of Lancaster v. L & N.W. Ry. Co.* [1892] 3 Ch. 274, CA). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or defence.

Sementara itu dalam kes *Solai Realty Sdn Bhd v. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad* [2013] 1 LNS 384 Ramly Ali HMR (pada ketika itu) yang membuat keputusan bagi pihak Mahkamah Rayuan telah menyatakan:

> Judges dealing with striking out application under Order 18 rule 19 of the RHC must always bear in mind that the power to strike a case under the Order without having to go for trial should be exercised sparingly and

only in a plain and obvious case. The procedure is of a summary. The party affected should not be deprived of his right to have his case proceeded by a proper trial unless the claim is obviously unsustainable. The Federal Court in the case of *C.C.Ng & Brothers Sdn Bhd v. Government of State of Pahang* [1985] CLJ Rep 45; [1985] 1 MLJ 350, had said that "the inherently power to dismiss an action summarily without permitting the plaintiff to proceed to trial is a drastic power. It should be exercised with utmost caution". It is a power which ought to be very sparingly exercised and only in very exceptional cases (per Lord Herschell in *Lawrence v. Norrey* – as cited in *C.C Ng & Brothers*).

[12] Bersandarkan kepada panduan yang telah digariskan di dalam nas-nas tersebut, saya mendapati dan memutuskan bahawa pliding pihak plaintif telah mendedahkan kausa tindakan yang tidak munasabah terhadap defendan-defendan berdasarkan kepada ketinggalan dan kecacatan serius di dalam pliding pihak plaintif seperti mana yang telah diperincikan sebelum dari ini. Dari pliding yang difailkan pihak plaintif, pada pandangan saya adalah jelas lagi nyata peguam pihak plaintif tidak cermat dan tidak nampak kesungguhan di dalam penyediaan writ dan pernyataan tuntutan pihak plaintif sehinggakan berlakunya kecacatan yang sangat serius. Ianya juga menjadikan tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan jelas dan nyata tidak boleh dipertahankan dan selayaknya diketepikan hanya di peringkat penghakiman terus.

[13] Saya tidak mempertimbangkan alasan pertama permohonan pemohon iaitu di atas persoalan halangan had masa memandangkan tidak ada keterangan yang jelas dari afidavit yang difailkan tentang bila masanya plaintif dinafikan hak untuk mendaftarkan hak milik tanah tersebut. Begitu juga dengan alasan-alasan lain seperti mana dinyatakan di perenggan 6 di atas yang pada pandangan saya tidak boleh diputuskan hanya dengan keterangan afidavit yang tidak jelas faktanya. Walau pun begitu, kecacatan yang ada pada pliding pihak plaintif seperti yang telah dinyatakan sebelum ini adalah memadai untuk mahkamah membuat keputusan.

Kesimpulan

[14] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan tersebut, saya mendapati dan memutuskan bahawa mahkamah tidak boleh membuat kesimpulan lain selain daripada bersetuju dengan permohonan defendan-defendan bagi membatalkan writ dan pernyataan tuntutan defendan di atas alasan ianya mendedahkan kausa tindakan yang tidak munasabah, ianya mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan ianya juga suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Oleh itu saya membenarkan permohonan defendan-defendan untuk suatu penghakiman terus bagi membatalkan writ dan pernyataan tuntutan plaintif di bawah A. 18 k. 19(1)(a), (b) dan (d) dengan kos sebanyak RM1,000 dibayar pihak plaintif kepada defendan-defendan.